

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SBU 421 - Seminar Kependudukan dan Pembangunan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan daripada tujuh soalan berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama. Tulisan KABUR dikenakan potongan markah.

1. Pembangunan yang dicapai berdasarkan kepada peningkatan keluaran negara kasar dan pendapatan perkapita semata-mata hanya akan memperluaskan lagi jurang ketidak samarataan dan akan menambah kadar pengangguran dalam sesebuah negara. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan bukti-bukti tertentu.

(100 Markah)

2. Huraikan pandangan golongan pro-natalist berhubung dengan keperluan pembangunan bagi sesebuah negara. Sejauhmana anda setuju dengan pandangan tersebut.

(100 Markah)

3. Kadar kematian bayi merupakan indeks terpenting bagi menentukan kemajuan sosio-ekonomi sesuatu kaum dalam sesebuah negara. Pada pandangan anda apakah faktor yang menyebabkan ketidak/seimbangan dalam kadar kematian bayi dalam kalangan etnik di Malaysia.

(100 Markah)

...2/-

4. Perkembangan penduduk hanya memberi kesan yang kecil kepada kemusnahan hutan berbanding dengan kemajuan teknologi dan peningkatan dalam kemewahan hidup sesuatu masyarakat. Sejauh mana anda setuju dengan kenyataan ini.

(100 Markah)

5. Huraikan kesan daripada pertumbuhan penduduk yang cepat ke atas pembentukan modal dan pelaburan dalam sesebuah negara.

(100 Markah)

6. Huraikan hubungan di antara pertumbuhan penduduk yang cepat ke atas penawaran buruh terutamanya dalam aspek upah dan pengeluaran.

(100 Markah)

7. Bagaimanakah urbanisasi dapat mempengaruhi status dan peranan kaum wanita terutama kaum wanita di negara sedang membangun.

(100 Markah)

- oooOooo -